

Fenomena webinar rentas sempadan ilmu

Jika dulu, perkataan webinar agak janggal dan tidak begitu popular dalam bidang pendidikan. Namun mutakhir ini, webinar menjadi agenda penting bagi organisasi terutama institusi pengajian tinggi (IPT) menyampaikan ilmu dan maklumat.

Bagaimana ia begitu popular kebelakangan ini? Hakikatnya, ia satu daripada impak positif daripada pandemik COVID-19.

Apabila Malaysia mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), seluruh aktiviti dibekukan dan pergerakan merentas sempadan dihalang. Banyak aktiviti dirancang terpaksa dibatalkan dan ditangguhkan.

Walaupun kini aktiviti sosial dibenarkan, aktiviti fizikal membabitkan jumlah yang ramai masih dihadkan dengan mengambil kira penjarakan fizikal. Alternatif untuk menganjurkan seminar dan perkongsian ilmu membabitkan kumpulan besar adalah melalui medium dalam talian.

Webinar menggantikan konferensi, persidangan, kursus, taklimat, syarahan dan bengkel secara bersemuka. Webinar untuk latihan dan pensijilan profesional turut popular kerana peserta dapat mengikuti latihan di mana saja.

Ada juga webinar dianjurkan untuk mempromosikan barangan atau perkhidmatan. Ia tidak terhad pada peringkat pengajian tinggi, tetapi turut popular di sekolah. Kebanyakan webinar dianjurkan secara percuma, namun ada juga berbayar. Tetapi jumlah bayaran dikenakan amat rendah kerana banyak kos penganjuran dapat dikurangkan.

Platform yang popular untuk melaksanakan webinar seperti Google Meet, Zoom, Webex, ON24, Adobe Connect, join.me, FreeConferenceCall.com dan Zoho Meeting.

Antara faktor perlu dipertimbangkan ketika memilih platform webinar iaitu jumlah kumpulan sasaran, tempoh masa, ciri dan fungsi ditawarkan seperti merakam webinar serta paparan antara muka yang mesra pengguna serta dan digunakan.

Persediaan untuk mengikuti webinar ialah komputer yang tersedia kamera, mikrofon dan pembesar suara, sambungan internet, pelayar internet dan alamat e-mel.

Konsep webinar sangat bagus kerana menjimatkan banyak kos bukan saja dari segi kewangan, namun masa, tenaga dan ruang. Kita juga boleh mengikuti seminar peringkat antarabangsa dianjurkan luar negara dengan kos rendah.

Fungsi webinar yang boleh dirakam dan diulang tayang memberi kesan amat baik kepada pembelajaran sepanjang hayat. Norma baharu ini menarik minat orang ramai menimba ilmu tanpa sempadan masa, tempat, usia dan tahap pendidikan.

Diharap fenomena webinar dapat memberi sumbangan kepada kualiti pendidikan dalam matlamat pembangunan lestari (SDG) bagi menghasilkan komuniti berpengetahuan tinggi.